

Kesan Kerjasama Dalam Aktiviti Berkumpulan Terhadap Kualiti Perhubungan Pelajar Berbilang Etnik Di Universiti Putra Malaysia

ARFAH AB. MAJID¹

AHMAD TARMIZI TALIB²

SARJIT SINGH DARSHAN SINGH³

ZAID AHMAD⁴

ABSTRAK

Kepelbagaian dan kerencaman dari segi budaya, etnik dan agama sememangnya menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Namun begitu, Malaysia masih tidak lekang daripada isu-isu etnik dan agama yang sensitif. Contoh terkini adalah isu pergaduhan antara etnik di Plaza Low Yat pada tahun 2015. Kejadian ini telah menimbulkan persoalan samada hubungan antara etnik di Malaysia kian rapuh? Jika benar, apakah mekanisme untuk memperbaiki hubungan ini? Menurut Teori Perhubungan (*Contact Theory*) yang diperkenalkan oleh Gordon Allport (1954), hubungan antara etnik dapat diperbaiki sekiranya sesuatu perhubungan itu memenuhi empat syarat iaitu persamaan status, persamaan matlamat, keizinan pihak berkuasa dan interaksi yang melibatkan kerjasama. Justeru, kajian ini adalah satu percubaan untuk mengaplikasikan Teori Perhubungan ini dalam aktiviti berkumpulan pelajar di Universiti Putra Malaysia dengan memberikan tumpuan pada aspek kerjasama. Untuk tujuan ini, sebuah eksperimen telah dijalankan dalam kalangan pelajar yang mengambil kursus (Tamadun Islam dan Tamadun Asia) TITAS dan Hubungan Etnik. Pelajar telah dibahagikan kepada satu kumpulan eksperimen, satu kumpulan kawalan dan dua kumpulan perbandingan. Kumpulan eksperimen dan kumpulan perbandingan telah diberikan tugas yang mempunyai sifat dan tahap kerjasama yang berbeza. Menurut hasil analisis ANOVA, tahap integrasi yang tinggi dan kerjasama antara pelajar yang berbilang etnik mempunyai kesan terhadap kualiti perhubungan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa sesuatu perhubungan yang berkualiti dan baik itu perlu disertai dengan empat elemen yang dicadangkan dan sebaliknya akan berlaku jika sesuatu perhubungan itu tidak disertai empat elemen tersebut.

Kata kunci: hubungan etnik, teori perhubungan, kerjasama, universiti

¹ Arfah Ab. Majid, M.A. (London), Ph.D (UIA), Usuluddin & Perbandingan Agama, penarah kanan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, am_arfah@upm.edu.my

² Ahmad Tarmizi Talib, M.A. (UKM), Ph.D. (Wales), Antropologi Agama/Falsafah & Ketamadunan, Profesor Madya/Ketua Jabatan di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, tarmizi@upm.edu.my

³ Sarjit Singh Darshan Singh, M.A., Ph.D. (UKM), Antropologi & Sosiologi, Profesor Madya di Jabatan Sains Kemasyarakatan Dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, sarjit@upm.edu.my

⁴ Zaid Ahmad, M.A., Ph.D. (Manchester), Falsafah & Kajian Ketamadunan, Profesor di Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM, zaid_a@upm.edu.my

ABSTRACT

The diversity and composition in terms of culture, ethnicity and religion always been the pride of Malaysians. However, Malaysia is still not cracked with the issues of ethnic and religious sensitivity. The latest example is the issue of inter-ethnic fighting in Plaza Low Yat in 2015. This incident has raised questions about whether the inter-ethnic relations in Malaysia increasingly fragile? If so, what are the mechanisms to improve this relationship? According to the Theory of Transportation (Contact Theory), introduced by Gordon Allport (1954), inter-ethnic relations can be improved if a relationship that meets the four conditions of equality of status, equality goals, the consent of the authorities and interaction involving cooperation. Thus, this study is an attempt to apply the theory of this relationship in group activities of students at the University Putra Malaysia by focusing on aspects of cooperation. For this purpose, an experiment was conducted among students taking the course (Islamic and Asian Civilisations) TITAS and Ethnic Relations. Students were divided into an experimental group, the control group and two comparison groups. Comparison experimental group and the group was given a task that has the nature and level of cooperation varies. According to ANOVA analysis, there is a high level of integration and collaboration between students of various ethnic influences on the quality of relationships. The results of this study show that a good relationship quality and it must be accompanied by four elements proposed and would otherwise occur if a relationship is not accompanied by the four elements.

Keywords: ethnic relations, theory of communication, cooperation, university

Pengenalan

Latar Belakang Kajian

Hakikat kewujudan sikap prejudis dalam kalangan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai etnik dan agama sememangnya tidak dapat dinafikan. Perasaan negatif ini dikukuhkan lagi apabila terdapat etnik tertentu yang menjadi etnik majoriti dan sebilangan etnik lain yang menjadi kelompok minoriti. Sidanius dan Pratto (1999) mengatakan bahawa jaminan ekonomi, penguasaan politik dan peluang untuk perkembangan sosial membentuk perbezaan realiti sosial antara kumpulan majoriti dan minoriti dalam sesebuah negara yang akhirnya membentuk matlamat dan perjuangan yang berbeza (Demoulin, Leyens, & Dovidio, in press). Biasanya perjuangan kumpulan majoriti didorong oleh keperluan mereka untuk mengekalkan dan menyokong sistem sosial sedia ada yang sudah semestinya banyak manfaat kepada mereka, manakala perjuangan kumpulan minoriti pula didorong oleh hasrat mereka untuk membawa perubahan kepada sistem sosial tersebut (Sidanius, & Pratto, 1999; Tajfel & Turner, 1979).

Dalam konteks Malaysia, kebanyakan dasar yang diwujudkan oleh kerajaan termasuklah dasar pendidikan dan kebudayaan dilihat sebagai menindas hak golongan minoriti. Perkara ini telah menyebabkan rasa kurang berpuas hati dalam kalangan mereka. Antara dasar yang turut mencetuskan rasa kurang senang masyarakat minoriti bukan Islam adalah dasar Islamisasi yang diperkenalkan sekitar tahun 80an. Dasar ini dijalankan dalam bentuk penerapan nilai-nilai Islam dalam program-program kerajaan dan penubuhan institusi-institusi bersifat Islamik. Antaranya adalah penubuhan Bank Islam, Insurans Islam dan Yayasan Ekonomi Islam pada tahun 1981 dan Penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

pada tahun 1983 (Hussin Mutalib, 1993). Dasar yang berupaya mengembangkan syi'ar Islam dan budaya Melayu ini dianggap sebagai satu ancaman kepada agama dan budaya lain di negara ini.

Sekiranya minoriti bukan Islam menganggap perkembangan Islam di negara ini sebagai satu ancaman, pada masa yang sama, masyarakat Melayu Islam pula dibelenggu oleh masalah ekonomi yang terhad kepada pertanian dan perikanan. Mereka pula menganggap dominasi dalam sektor ekonomi masyarakat minoriti sebagai satu ancaman kepada kedudukan mereka di negara ini. Perbezaan persepsi terhadap ketidaksamarataan dari aspek budaya, agama dan ekonomi ini telah merangsang sikap prejudis. Hakikatnya, disebalik slogan "1 Malaysia" yang dicanangkan, masih lagi tersemat bibit-bibit prejudis dalam kalangan masyarakat minoriti dan majoriti di Malaysia. Hal ini demikian kerana sikap negatif ini tidak pernah ditangani dan diruskan dengan baik.

Menurut Ani Arope (2009), sekiranya berlaku sebarang isu atau masalah yang berkaitan dengan sikap prejudis dinegara ini telah disembunyikan dari pengetahuan umum dan akhirnya masyarakat hidup dalam penafian (*self-denial*) ("*Enhancing tolerance,*" 2009). Sebuah kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman Embong pada tahun 2001, telah memberikan gambaran tentang realiti kehidupan masyarakat Malaysia pada hari ini. Salah seorang daripada informan mengakui bahawa keharmonian dan perpaduan yang dikecapi pada hari ini adalah semata-mata kerana keperluan untuk kelangsungan hidup dan bukannya perpaduan yang sebenar dan ikhlas (Abdul Rahman Embong, 2001)

Pernyataan Masalah

Berdasarkan kenyataan bahawa masyarakat Malaysia masih lagi dibelenggu sikap prejudis, maka tidak hairanlah sekiranya kita kerap mendengar isu-isu etnik dan agama di negara ini seperti isu pergaduhan etnik di Low Yat yang berlaku pada 11 Julai 2015 yang lalu. Menurut Presiden Majlis Belia Selangor Datuk Irmohizam Ibrahim, insiden seumpama itu boleh membawa kepada bibit-bibit rusuhan kaum di seluruh negara jika gagal dibendung. Ia juga berisiko berpanjangan ke institut pengajian tinggi (IPT) dan sekolah jika langkah penyelesaian segera tidak diambil (Wan Syamsul Amly, 2015).

Corak perhubungan antara etnik dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi, telah diketengahkan oleh beberapa kajian sebelum ini. Sanusi Osman (1989) contohnya telah mengenalpasti beberapa faktor yang mendorong kepada masalah polarisasi etnik di institusi pengajian tinggi. Antara faktor-faktor tersebut termasuklah tahap interaksi yang rendah dalam kalangan pelajar pelbagai etnik; kecenderungan untuk memilih rakan dari etnik sendiri; kewujudan sikap prejudis, stereotaip dan ethnosentrisme; dan aktiviti pelajar yang tertumpu kepada etnik yang sama bukan etnik yang berbeza.

Mansor (2000/1: 102) pula menyatakan bahawa pelajar daripada etnik yang berbeza cenderung untuk duduk dalam kalangan kelompok etnik mereka sendiri ketika menghadiri kuliah, mengunjungi dan membeli makanan di kantin yang dikendalikan oleh etnik mereka sendiri, sesuatu etnik cenderung memilih aktiviti kampus tertentu manakala etnik lain memilih aktiviti berbeza, pelajar-pelajar Cina tidak boleh menerima program-program yang dianjurkan oleh persatuan yang didominasi pelajar Melayu dan pelajar Melayu kerap kali

memohon untuk berpindah ke bilik yang didiami oleh etnik mereka. Di penghujung era 1980an, segregasi etnik di kampus masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Situasi ini bukan sahaja melanda universiti bahkan keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan (Ting, 2012).

Berdasarkan hasil sebuah tinjauan oleh Centre for Economic Development and Ethnic Relations (CEDER), interaksi dalam kalangan pelajar sarjana muda berada di tahap "memuaskan". Tahap interaksi antara etnik yang tinggi ditentukan samada pelajar berkenaan memiliki lima atau lebih rakan daripada etnik lain (Jahara, Tey Nai Peng, Yeoh Kok Kheng, Sulochana Nair & Lee Hwok Aun, 2004: 10). Hasil tinjauan mendapati 61% responden Cina memiliki lima atau lebih rakan Melayu, 54% responden Melayu mengakui memiliki rakan Cina, manakala di antara 60% hingga 90% responden India dan Bumiputera lain melaporkan mempunyai lima atau lebih rakan Cina atau Melayu (Jahara et al., 2004: 11).

Penemuan ini mengesahkan interaksi antara etnik yang terhad atau sederhana dalam kalangan pelajar universiti. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna hubungan antara etnik di negara ini berada pada tahap yang berbahaya (Ting, 2012). Walau pun demikian, keadaan ini tidak boleh dipandang enteng. Institusi pengajian tinggi sewajarnya menjadi platform pemupukan hubungan etnik yang harmoni dan bukan sebaliknya. Hubungan etnik di institusi pengajian tinggi sepatutnya menjadi model kepada masyarakat secara umumnya. Persoalannya, sejauhmanakah program-program dan aktiviti-aktiviti pelajar di universiti berupaya untuk mengurangkan sikap negatif seperti prejudis dan mengeratkan hubungan sesama etnik?

Objektif Kajian

1. Menilai kesan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan terhadap kualiti perhubungan dalam kalangan pelajar yang tinggi tahap integrasi
2. Menilai kesan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan terhadap kualiti perhubungan dalam kalangan pelajar yang rendah tahap integrasi

Tinjauan Literatur

Prejudis

Menurut Gordon Allport (1979: 6), prejudis adalah "pemikiran yang buruk terhadap orang lain tanpa fakta yang mencukupi." Ia bermaksud prejudis terbentuk daripada sesebuah keputusan yang dibuat sebelum meneliti dan mempertimbangkan sesebuah fakta. Teori Personaliti pula mengaitkan prejudis dengan apa yang dikenali sebagai 'personaliti autoritarian.' Teori ini mencadangkan bahawa seseorang yang mempunyai personaliti ini adalah lebih cenderung untuk membuat andaian bahawa mereka dan ahli-ahli kumpulan yang sama dengan mereka adalah lebih hebat, manakala ahli-ahli dalam kumpulan-kumpulan lain adalah bersifat lemah dan bertaraf rendah berbanding mereka. Oeh yang demikian kumpulan lain itu akan dilayan dengan buruk, dipulaukan atau dihina (Adorno, Frenkel-Brunswik, Levinson & Sanford, 1950).

Prejudis dari perspektif Konflik Model Realistik pula dilihat sebagai akibat daripada konflik antara kumpulan yang berbeza atas sumber-sumber yang terhad (Campbell, 1965). Teori Identiti Sosial oleh Tajfel mencadangkan bahawa proses pengkategorian kepada dalam-kumpulan (*in-group*) dan luar-kumpulan (*out-group*) adalah usaha untuk meningkatkan imej diri individu yang positif dan identiti sosial ini telah menyebabkan terbentuknya sikap prejudis (Tajfel & Turner, 1979).

Teori Perhubungan (*Contact Theory*)

Para penyelidik dalam bidang berkaitan telah mengemukakan beberapa cadangan berkenaan pendekatan atau mekanisme untuk menangani sikap prejudis dan memperbaiki hubungan antara etnik. Ini termasuklah kerjasama dalam pembelajaran (*cooperative learning*), hiburan, latihan silang-budaya (*cross-cultural training*), pengkategorian sosial (*social categorization*) dan latihan kepelbagaian (*diversity training*). Kesemua pendekatan yang disenaraikan ini, telah mengaplikasikan sebuah teori yang dikenali sebagai Teori Perhubungan (*Contact Theory*) yang diperkenalkan oleh Gordon Allport pada tahun 1954.

Berdasarkan beberapa kajian yang dijalankan, perhubungan antara kumpulan yang berlainan telah terbukti membantu dalam mengurangkan bias (Gaertner, Dovidio, & Bachman, 1996) dan memperbaiki hubungan (Brown & Mistry, 2005). Namun perhubungan atau kontak yang berlaku antara mereka perlulah memenuhi beberapa syarat yang telah disarankan oleh Gordon Allport (1954). Ini untuk memastikan sesebuah perhubungan itu dapat memberikan kesan yang positif. Empat syarat tersebut adalah:

1. Persamaan status
2. Persamaan matlamat
3. Kerjasama dalam interaksi
4. Sokongan atau keizinan pihak berkuasa

Sebuah ujian *meta-analytic* telah mengukuhkan lagi peranan teori perhubungan dalam mengurangkan prejudis dan menghasilkan kesan yang positif terhadap hubungan antara kaum. Hasil *meta-analytic* daripada 696 sampel menunjukkan lebih banyak perhubungan atau kontak yang berlaku, maka sikap prejudis akan berkurangan (Pettigrew & Tropp, 2006). Pengetahuan atau maklumat tentang kaum lain yang diperolehi melalui perhubungan akan meningkatkan kefahaman antara satu sama lain dan menjelaskan segala salah faham yang berlaku. Kefahaman yang wujud akan melahirkan sikap yang lebih menyenangkan antara kaum yang berbeza.

Sebuah kajian telah membuktikan bahawa sekolah yang tinggi tahap integrasi kaumnya dapat menggalakkan kefahaman antara satu sama lain dan akhirnya dapat mengekang stereotaip dan bias. Kajian yang sama menunjukkan sekolah yang kurang integrasi menyebabkan proses pembelajaran dan kefahaman antara kaum lebih sukar berlaku. Penyampaian maklumat tentang kaum lain melalui medium pengajaran biasa dan tiada perhubungan antara kaum secara langsung kurang menunjukkan kesan terhadap sikap pelajar (Aboud & Amato, 2001). Wood dan Sonleitner (1996) juga menegaskan bahawa murid-murid dari sekolah yang terdiri daripada kaum yang sama sukar untuk memperolehi pengetahuan dan empati tentang kaum lain.

Hasil kajian yang lain melaporkan murid-murid dari sekolah yang tinggi tahap integrasi kaum berasa lebih selesa apabila berada dalam kalangan kaum lain yang berbeza dengan mereka berbanding murid-murid dari sekolah yang tiada integrasi (Kurlaender & Yun, 2007). Di sekolah yang tiada integrasi, sikap negatif lebih mudah terbentuk kerana pelajar memperoleh fakta yang tidak tepat berkenaan kaum lain dan secara tidak langsung telah membentuk stereotaip. Hal ini demikian kerana kurangnya perhubungan dan interaksi dengan kaum lain (Turner, R.N., Tam, T., Hewstone, M., Kenworthy, J. & Cairns, E., 2013).

Kerjasama sebagai Syarat Utama dalam Perhubungan

Keempat-empat syarat perhubungan seperti yang telah dinyatakan sebelum ini saling berkaitan antara satu sama lain. Ini bermakna kekurangan salah satu syarat akan mempengaruhi keberkesanan syarat-syarat yang lain. Sebagai contoh, persamaan matlamat merupakan satu faktor atau syarat yang penting (Chu & Griffey, 1985), tetapi, kepentingannya akan berkurangan apabila ia tidak hadir sekali dengan elemen kerjasama (Gaertner, Dovidio, Rust, Nier, Banker & Ward, 1999).

Hasil beberapa kajian berkaitan dengan teori perhubungan menunjukkan saling kebergantungan dalam bentuk kerjasama adalah penting untuk mengurangkan konflik dan prejudis antara kaum (Brewer, 1996). Ini disebabkan kerana kerjasama antara kumpulan kaum yang berbeza menghasilkan perasaan kebersamaan sebagai sebuah kumpulan (Gaertner, Dovidio, Bachman, 1996).

Peranan Pendidikan dalam Hubungan Etnik

Tidak dapat dinafikan pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak kerajaan dan masyarakat sendiri dalam memastikan hubungan antara etnik di Malaysia sentiasa berada dalam keadaan yang harmoni. Antara usaha daripada pihak kerajaan termasuklah penubuhan organisasi seperti Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN); pelaksanaan dasar-dasar tertentu seperti Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan; Program Latihan Khidmat Negara (PLKN); dan pelaksanaan strategi-strategi tertentu seperti strategi penggunaan Bahasa Kebangsaan, strategi kesukanan dan strategi media massa. Usaha-usaha dari kerajaan ini diperkukuhkan lagi dengan dengan beberapa inisiatif daripada masyarakat sendiri. Antaranya adalah seperti pelaksanaan program Rukun Tetangga di kawasan-kawasan perumahan dan juga pengamalan konsep "Rumah Terbuka" ketika musim perayaan pelbagai etnik di negara ini (Shamsul Amri, 2012)

Antara tunjang utama dalam menjayakan kesemua usaha ini sudah semestinya melalui platform pendidikan. Pendidikan mampu memupuk semangat perpaduan melalui dua peranan. Pertama, pendidikan yang baik melahirkan masyarakat yang matang dalam menilai sesuatu isu. Sistem pendidikan Malaysia yang terdiri daripada institusi awam dan persendirian telah berjaya melahirkan modal insan yang berkualiti. Dengan kadar literasi sekitar 90%, kebanyakan penduduk Malaysia sedar akan peranan pendidikan dan perpaduan nasional. Kesedaran ini, menyumbang kepada kematangan masyarakat dalam menangani isu-isu etnik (Shamsul & Anis, 2011) dan seterusnya menjayakan usaha-usaha ke arah kesepaduan.

Kedua, pendidikan berupaya menjadi ejen penyatuan dan integrasi apabila pendidikan tersebut menerapkan nilai menghormati perbezaan budaya dan cara hidup dalam kalangan

masyarakat. Perbincangan mengenai kepelbagaian etnik dan agama dan lebih banyak perhubungan antara kumpulan etnik berbeza akan meningkatkan kefahaman dan menjalin hubungan yang lebih baik. Matlamat ini cuba di capai diperingkat institusi pengajian tinggi melalui pengenalan kursus "Hubungan Etnik" sebagai satu kursus wajib universiti kepada pelajar universiti yang baru mendaftar sejak 2007 (Shamsul A. B, 2008). Walau pun bentuk pendidikan seumpama ini seharusnya bermula lebih awal lagi iaitu diperingkat sekolah rendah, Prof. Ulung Shamsul Amri selaku penyunting kepada modul untuk kursus ini, tetap optimis dan mahu melihat kesan terhadap pelajar yang mengikuti kursus tersebut (Shamsul Amri, 2008).

Kaedah Kajian

Reka Bentuk Kajian

Untuk menguji kesan teori perhubungan terutamanya elemen kerjasama, sebuah eksperimen telah dijalankan ke atas pelajar di Universiti Putra Malaysia. Peserta telah dibahagikan secara rawak kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Selain dua kumpulan ini, dua buah kumpulan perbandingan juga telah diwujudkan untuk melihat perbezaan kerjasama dalam kumpulan yang tinggi tahap integrasi dan kumpulan yang rendah tahap integrasi.

Sampel Populasi

Pengagihan secara Rawak

Dalam kajian ini, 50 orang pelajar tahun pertama dari Fakulti Perubatan Veterinar yang mendaftar untuk kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia dari Universiti Putra Malaysia (Tamadun Islam dan Asia) telah dibahagikan kepada dua kumpulan menggunakan kaedah agihan rawak dengan 25 orang setiap satu kumpulan.

Salah satu kumpulan telah dijadikan kumpulan eksperimen yang mana mereka terlibat dalam aktiviti kerjasama dalam kumpulan (penganjuran program forum) manakala satu lagi kumpulan adalah kumpulan kawalan yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang tidak mengambil bahagian dalam program ini. Antara pembolehubah kawalan yang telah diambil kira dalam kajian ini ialah jantina (lelaki atau perempuan), etnik (Melayu, Cina, India dan peribumi Sabah dan Sarawak), umur (bermula dari 19 ke 20) dan agama (Islam, Kristian, Buddha dan Hindu). Setiap kumpulan (eksperimen dan kawalan) telah diagihkan mengikut pembolehubah ini secara teknik padanan.

Sebagai contoh, seorang pelajar lelaki Melayu Islam, berusia 20 tahun dari Fakulti Perubatan Veterinar dipasangkan dengan pelajar lain dengan ciri-ciri yang sama. Bagi setiap kumpulan terdapat 13 perempuan Melayu Islam, 5 perempuan Cina Buddha, 3 perempuan India Hindu, 2 lelaki Melayu Muslim, 1 perempuan Cina Kristian dan 1 perempuan Bugis Islam. Kedua-dua kumpulan juga telah mendaftar dan belajar dalam kumpulan kuliah yang berbeza. Kumpulan eksperimen mendaftar dalam kumpulan 15 dan kumpulan kawalan mendaftar dalam kumpulan 16. Kedua-dua kumpulan adalah sangat tinggi tahap integrasi di mana mereka terdiri daripada pelajar dari latar belakang etnik dan agama yang berbeza. Dalam kumpulan 15 misalnya terdapat 25 Melayu Islam, 15 Cina Buddha, 5 India Hindu, 1 Cina

Kristian, 2 Cina Tao, 1 India Kristian, 1 Dusun Kristian, 1 Iban / Kadazan Kristian, 1 Siam Buddha, 1 India / Cina Kristian dan 1 Bugis / Sungai Islam.

Kumpulan Perbandingan

Selain daripada kumpulan eksperimen dan kawalan, kajian ini juga turut mengukur dua kumpulan pelajar yang mengikuti kursus Hubungan Etnik dari Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Kedua-dua kumpulan pada dasarnya adalah homogen iaitu majoriti pelajar yang mendaftar adalah Melayu Islam.

Setiap satu daripada kumpulan perbandingan terdiri daripada 25 orang peserta. Salah satu kumpulan perbandingan dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat mengandungi 8 pelajar lelaki Melayu Islam, 3 lelaki Cina Buddha, 11 perempuan Melayu Islam, 1 perempuan Cina Buddha, 1 perempuan Iban Kristian dan 1 perempuan Cina Kristian manakala kumpulan perbandingan yang lain dari Fakulti Pendidikan termasuk 21 perempuan Melayu Islam, 1 perempuan Cina Kristian dan 3 lelaki Melayu Islam. Pelajar-pelajar ini telah dipilih secara rawak daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendaftar untuk kumpulan terlibat. Kumpulan perbandingan telah diwujudkan untuk menguji jika kesan kerjasama dalam aktiviti berkumpulan itu boleh dikaitkan dengan tahap integrasi kaum dan agama. Selain daripada bersifat homogen, kedua-dua kumpulan perbandingan ini juga dilibatkan dengan unsur kerjasama yang kurang berbanding kumpulan eksperimen.

Instrumen

Contact Quantity Scale

Terdapat lima item untuk mengukur kuantiti perhubungan berdasarkan 5-point skala *likert* (tidak pernah, jarang, kadang-kadang, kerap dan sangat kerap). Di antara item tersebut adalah "Berapa banyak masa yang diluahkan dengan ahli dari kumpulan etnik dan agama yang lain di dalam kampus?" dan "Berapa banyak masa yang diluahkan dengan ahli dari kumpulan etnik dan agama yang lain sewaktu menganjurkan sebarang acara/program? (Contoh: Forum, lawatan, pameran)?" Cronbach's Alpha untuk item-item ini adalah .6

Contact Quality Scale

Untuk mengukur kualiti perhubungan, kajian ini menggunakan 11 item seperti sukarela, peribadi, positif, bersemuka, sama status and bermanfaat ($\alpha = .83$). Item-item ini dikira berdasarkan 5-point skala *likert* bermula daripada tidak pernah (1) kepada sangat kerap (5).

Prosedur Pengumpulan Data

Penilaian Kumpulan Eksperimen

Jangka masa pengumpulan data untuk kajian ini merangkumi satu semester (Semester 1 sesi 2014/2015) memandangkan pelajar perlu menganjurkan beberapa buah program. Program pertama yang dilaksanakan ialah lawatan ke rumah ibadat. Lawatan itu meliputi dua kawasan (iaitu Kuala Lumpur dan Melaka). Di Kuala Lumpur, terdapat tiga tempat yang dilawati seperti Gurdwara Tatt Khalsa, Kuil Batu Caves Sri Subramaniam dan Kuil Fo Guang Shan Dong Zen manakala di Melaka tempat yang dipilih adalah Gereja St. Francis Xavier. Lawatan ke Kuala Lumpur telah diadakan pada 2 November 2014 dan lawatan ke Melaka telah

dijalankan pada 9 November 2014. Kumpulan yang bertanggungjawab untuk lawatan adalah kumpulan 6 dari Fakulti Pengajian Pendidikan yang merupakan kumpulan perbandingan yang pertama.

Program seterusnya dan yang terbesar di bawah penyelidikan ini ialah *Inter-cultural Exhibition and Dialogue* atau Iced 2014. Program ini terdiri daripada pameran antara budaya pada siang hari dan forum dialog antara agama yang telah dijalankan kemudian pada waktu malam. Acara ini merupakan kerjasama antara kumpulan 25 dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan kumpulan 15 dari Fakulti Perubatan Veterinar. Dengan berakhirnya acara itu menandakan berakhirnya kerjasama dalam kalangan pelajar dan acara ini merupakan pencapaian terbesar mereka. Program *Inter-cultural Exhibition and Dialogue* atau Iced 2014 ini telah dijalankan pada 12 Disember 2014. Ia adalah minggu ke-13 pengajaran untuk semester 1 sesi 14/15. Alat komunikasi utama dalam kalangan pelajar dalam menganjurkan acara ini adalah aplikasi mudah alih "*Whats App*". Sebarang perbincangan atau keputusan berlangsung di aplikasi ini. Selepas semester berakhir pada minggu ke-14 pengajaran, proses pengumpulan data juga telah berakhir.

Sebagai responden dan subjek eksperimen ini, ketiga-tiga kumpulan pelajar telah diberikan set soal selidik selepas peperiksaan akhir mereka pada minggu ke-16. Satu sesi khas telah dianjurkan untuk ketiga-tiga kumpulan sebagai majlis penghargaan dan sesi untuk menjawab soal selidik. Soal selidik telah diedarkan bersama-sama dengan "Arahan-arahan untuk Peserta", "Gambaran Keseluruhan Penyelidikan" dan "Maklumat dan Persetujuan Peserta" kepada peserta untuk dibaca dan ditandatangani. Peserta dalam kumpulan ini juga telah diberikan masa sebanyak yang mereka perlukan untuk melengkapkan soal selidik tersebut.

Penilaian Kumpulan Kawalan

Pada satu kesempatan yang lain, peserta dalam kumpulan kawalan (kumpulan 16 dari Fakulti Perubatan Veterinar) telah diberikan set borang soal selidik yang sama. Pelajar turut diberi masa sebanyak yang diperlukan untuk melengkapkan soal selidik tersebut.

Dapatan Kajian

Jadual 1.1 di bawah menunjukkan hasil ujian One-Way ANOVA. Daripada ujian tersebut didapati kesemua kumpulan berbeza secara signifikan dalam kuantiti ($p=0.041$) dan kualiti ($p=0.012$) perhubungan atau kontak. Perbezaan ini bukan disebabkan oleh peluang tetapi disebabkan oleh manipulasi Pemboleh ubah Bebas iaitu program dan aktiviti kerjasama.

Jadual 1.1: Perbezaan ANOVA dalam Kuantiti dan Kualiti Perhubungan antara Kumpulan

Pemboleh ubah	Sumber Varian	Df	Persegi Mean	Nisbah F	p
Kuantiti Perhubungan	Antara Kumpulan	3	39.770	2.865	0.041
	Dalam Kumpulan	96	13.883		
	Total	99			

**Kesan Kerjasama Dalam Aktiviti Berkumpulan Terhadap Kualiti Perhubungan Pelajar Berbilang Etnik
Di Universiti Putra Malaysia**

ARFAH AB. MAJID, AHMAD TARMIZI TALIB, SARJIT SINGH DARSHAN SINGH & ZAID AHMAD

Qualiti Perhubungan	Antara Kumpulan	3	138.810	3.833	0.012
	Dalam Kumpulan	96	36.218		
	Total	99			

Post Hoc Test sebagaimana dalam jadual di bawah pula melaporkan dua nilai yang kurang dari 0.5 iaitu 0.051 dan 0.026. Nilai-nilai ini merujuk kepada perbandingan antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan perbandingan 1; dan kumpulan eksperimen dengan kumpulan perbandingan 2. Melalui hasil ujian ini, dapatlah disimpulkan bahawa kumpulan eksperimen dengan kumpulan perbandingan 1; dan kumpulan eksperimen dengan kumpulan perbandingan 2 berbeza secara signifikan untuk kualiti perhubungan.

Jadual 1.2: Ujian Post Hoc

Pemboleh ubah Bersandar	(I) Kumpulan	(J) Kumpulan	Perbezaan Mean (I-J)	p	
Kualiti Perhubungan	Perbandingan 1	Eksperimen	-4.44000	.051	
		Kawalan	-3.00000	.298	
	Eksperimen	Perbandingan 2	.44000	.994	
		Perbandingan 1	4.44000	.051	
	Kawalan	Kawalan	1.44000	.832	
		Perbandingan 2	4.88000*	.026	
	Perbandingan 2	Perbandingan 1	Eksperimen	3.00000	.298
			Kawalan	-1.44000	.832
		Eksperimen	Perbandingan 2	3.44000	.188
			Perbandingan 1	-.44000	.994
		Kawalan	Eksperimen	-4.88000*	.026
			Kawalan	-3.44000	.188

* Perbezaan *mean* adalah signifikan pada tahap 0.05.

Kesan Kerjasama Dalam Aktiviti Berkumpulan Terhadap Kualiti Perhubungan

Analisis ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen dan kumpulan perbandingan 1; dan kumpulan eksperimen dan kumpulan perbandingan 2 dalam kualiti hubungan. Perbezaan dalam kualiti perhubungan mungkin dipengaruhi oleh sifat kumpulan-kumpulan ini yang berbeza dari segi komposisi etnik dan agama dan sifat program yang didedahkan kepada kumpulan-kumpulan ini.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kumpulan eksperimen terdiri daripada pelajar dari Fakulti Perubatan Veterinar yang mendaftar dalam kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia di bawah kumpulan kuliah 15 manakala kumpulan kawalan juga terdiri daripada pelajar dari Fakulti Perubatan Veterinar yang mendaftar dalam kursus yang sama tetapi dalam kumpulan kuliah 16. Kedua-dua kumpulan ini mempunyai tahap integrasi yang sangat tinggi memandangkan mereka terdiri daripada pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan agama.

Dua kumpulan yang lain (iaitu kumpulan perbandingan 1 dan kumpulan perbandingan 2), terdiri daripada pelajar-pelajar yang kurang kepelbagaian dari segi komposisi etnik dan agama. Majoriti pelajar dalam kumpulan perbandingan 1 adalah perempuan Melayu Islam (40

pelajar) dan hanya 1 perempuan Cina Kristian dan 1 perempuan Cina Buddha. Majoriti pelajar dalam kumpulan perbandingan 2 pula adalah lelaki Melayu Islam (16 pelajar) dan perempuan Melayu Islam (13 pelajar). Pelajar lain ialah 1 perempuan Cina Kristian, 3 lelaki Cina Buddha dan 1 perempuan Cina Buddha.

Keputusan ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan eksperimen (integrasi tinggi) dan dua kumpulan perbandingan (integrasi rendah) dalam kualiti hubungan. Ini bermakna bahawa integrasi yang tinggi dan program yang memerlukan kerjasama memberikan kesan ke atas kualiti perhubungan. Selain daripada komposisi etnik dan agama yang berbeza di antara kumpulan-kumpulan ini, sifat dan bentuk kerjasama yang berbeza dalam aktiviti berkumpulan turut mempengaruhi kualiti perhubungan.

Pelajar dalam kumpulan eksperimen diarah untuk membahagikan diri mereka ke dalam kumpulan-kumpulan kecil yang mempunyai peranan berbeza (contoh: kumpulan yang bertanggungjawab bagi protokol, makanan, teknikal dan penceramah). Setiap kumpulan ini dianggotai oleh pelajar yang terdiri daripada latar belakang etnik dan agama yang pelbagai. Pelajar-pelajar telah diminta untuk menganjurkan sebuah program forum dialog antara agama sebagai salah satu acara untuk *Inter-cultural Exhibition and Dialog* atau Iced. Sama seperti mana-mana forum lain, forum ini turut melibatkan penceramah jemputan dari luar dan penonton. Oleh itu, ia memerlukan komitmen dan keazaman yang tinggi untuk melaksanakan program ini. Walaupun pelajar-pelajar ini bermula dengan kumpulan kecil yang berasingan, kerjasama antara kumpulan berbeza semakin ketara antara mereka apabila tarikh forum semakin hampir.

Kumpulan perbandingan 1 telah dipertanggungjawabkan untuk menganjurkan lawatan ke tempat-tempat ibadat. Seperti kumpulan eksperimen, pelajar dalam kumpulan ini juga diminta untuk membahagikan diri mereka ke dalam beberapa kumpulan kecil. Antara kumpulan-kumpulan tersebut adalah: 1) Kumpulan yang bertanggungjawab untuk mengatur perjalanan ke tempat-tempat ibadat di sekitar Kuala Lumpur (iaitu untuk Gurdwara Tatt Khalsa, Kuil Batu Caves Sri Subramaniam dan Kuil Fo Guang Shan Dong Zen); 2) Kumpulan yang bertanggungjawab mengatur perjalanan ke tempat-tempat ibadat sekitar Melaka (iaitu St Francis Xavier Church).

Terdapat kira-kira 15 pelajar dalam setiap kumpulan ini dan mereka telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang lebih kecil seperti kumpulan yang bertanggungjawab bagi keselamatan, makanan, perhubungan awam dan pengangkutan. Bentuk aktiviti seumpama ini tidak begitu memerlukan interaksi dan kerjasama yang tinggi antara ketiga-tiga kumpulan kerana mereka yang bertanggungjawab bagi perjalanan yang berbeza. Matlamat dan sifat program ini berbeza daripada kumpulan eksperimen kerana kumpulan eksperimen tersebut mempunyai matlamat yang sama iaitu menganjurkan sebuah forum yang sama. Manakala kumpulan perbandingan 1 pula tidak berteraskan matlamat yang sama misalnya terdapat satu kumpulan bagi perjalanan Kuala Lumpur dan terdapat satu kumpulan bagi perjalanan Melaka.

Begitu juga dengan kumpulan perbandingan 2. Sifat program itu sendiri tidak membawa kepada tahap kerjasama yang tinggi dalam kalangan pelajar. Tema bagi kumpulan ini adalah pameran. Oleh itu, pelajar telah dipecahkan kepada beberapa kumpulan kecil seperti kumpulan yang bertanggungjawab dalam pameran seni mempertahankan diri, makanan, kaligrafi, muzik tradisional dan perubatan tradisional. Terdapat kira-kira lima hingga enam

orang pelajar dalam satu kumpulan. Seperti kumpulan perbandingan 1, kumpulan perbandingan 2 juga tidak memfokuskan pada matlamat yang sama. Setiap kumpulan hanya melaksanakan tugas yang berkaitan dengan pameran mereka sendiri sahaja. Oleh yang demikian, tidak wujud interaksi yang aktif dan kerjasama di antara kumpulan-kumpulan pameran yang berbeza. Secara ringkasnya, kualiti perhubungan boleh diperbaiki melalui interaksi dalam bentuk kerjasama antara kumpulan etnik dan agama yang pelbagai.

Satu lagi penemuan penting bagi kajian ini adalah kepentingan kerjasama antara kumpulan yang tinggi tahap integrasi terhadap kualiti perhubungan. Kajian ini membuktikan bahawa, kualiti perhubungan, hanya dapat diperbaiki jika terdapat unsur kerjasama dalam sesebuah perhubungan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, untuk mendapatkan manfaat daripada hubungan antara kaum, kesemua empat syarat perhubungan yang dicadangkan mesti wujud bersama-sama dan kerjasama adalah salah satu elemen yang sangat penting. Peranan dan kepentingan kerjasama dalam hubungan disokong oleh beberapa penyelidik seperti Brewer (1996) dan; Gaertner, Dovidio dan Bachman (1996).

Kesimpulan

Walaupun Malaysia adalah negara yang pelbagai etnik, agama dan budaya namun kepelbagaian ini kurang diuruskan dengan baik. Ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya isu-isu sensitif yang berkaitan etnik dan agama dari masa ke masa. Melalui kajian ini, dapat difahami bahawa sesuatu interaksi atau hubungan yang terjalin tidak akan bermakna jika tidak memenuhi empat syarat yang dikemukakan oleh Gordon Allport (1954) terutamanya elemen kerjasama antara etnik. Dalam erti kata lain, sekadar berada bersama di sekolah, tempat kerja mahupun pasar raya tidak mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi sekiranya empat syarat perhubungan tersebut tidak dipenuhi. Selain interaksi yang memerlukan kerjasama, tahap integrasi yang tinggi juga dapat memastikan kualiti perhubungan yang baik.

Pihak institusi pengajian tinggi hakikatnya memainkan peranan penting dalam memastikan hubungan antara etnik yang harmoni. Hal ini demikian kerana institusi pengajian tinggi merupakan pusat pertemuan pelajar dari pelbagai latar belakang etnik, budaya dan agama dari seluruh negara. Jika sebelum memasuki universiti mereka mungkin cuma banyak mempunyai perhubungan atau bergaul dengan kaum mereka sendiri sahaja, maka pihak universiti perlu membuka lebih ruang bagi pelajar ini untuk saling mengenali dan berinteraksi dengan rakan-rakan mereka dari etnik, budaya dan agama yang berbeza.

Program-program yang menggalakkan interaksi dan kerjasama dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan samada diperingkat kolej kediaman atau di peringkat fakulti. Corak pengajaran dan pembelajaran juga perlu di pelbagaikan dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti berbentuk *Student Centered Learning* (SCL). Pihak universiti bertanggungjawab untuk memanfaatkan dan menguruskan kepelbagaian yang ada demi mengukuhkan hubungan antara etnik dan mengelakkan prejudis dan konflik antara etnik.

Rujukan

- Abdul Rahman Embong. (2001). The Culture and practice of pluralism in post-colonial Malaysia in R. W. Hefner (ed), *The politics of multiculturalism: pluralism and citizenship in Malaysia, Singapore, and Indonesia* (pp. 59-87). University of Hawai'i Press.
- Aboud, F. E., & Amato, M. (2001). Developmental and socialization influences on intergroup bias. In R. Brown & S.L. Gaertner (Eds.), *Blackwell handbook of social psychology: intergroup processes* (pp. 65-85). Oxford: Blackwell.
- Allport, G.W. (1954). *The nature of prejudice*. Cambridge, Mass: Addison-Wesley.
- Brewer, M. B. & Miller, N. (1984). Beyond the contact hypothesis: Theoretical perspectives on desegregation. In N. Miller & M. B. Brewer (Eds), *Groups in contact: The psychology of desegregation* (pp. 281-302). Orlando, FL: Academic Press.
- Brown., A & Mistry., T. (2005). Group work with "mixed membership" groups: Issues of race and gender. *Social Work with groups*. 28 (3/4), 133-148.
- Chu, D. & Griffey D. (1985). The contact theory of racial integration: the case of sport. *Sociology of Sport Journal*. 2, 323-3.
- Demoulin, S., Leyens, J. P., & Dovidio, J. F. (Eds.). (in press). *Intergroup misunderstandings: Impact of divergent social realities*. Philadelphia: Psychology Press.
- Enhancing tolerance in Malaysia*. (2009). Retrieved 28 February 2010.
<http://www.heraldmalaysia.com/news/storydetails.php/Enhancing-Tolerance-in-Malaysia/1458-1-1>
- Gaertner, S. L., Dovidio, J. F., & Bachman, B. A. (1996). Revisiting the contact hypothesis: The induction of a common in-group identity. *International Journal of Intercultural Relations*, 20 (3 & 4), 271-290. Special Issue: International Congress on Prejudice, Discrimination and Conflict, Jerusalem, Israel.
- Gaertner, S. L., Dovidio, J. F., Rust, M. C., Nier, J., Banker, B., Ward, C. M. et al. (1999). Reducing inter-group bias: Elements of inter-group cooperation. *Journal of personality and social psychology*, 76, 388-402.
- Hussin Mutalib. (1993). *Islam in Malaysia: From revivalism to Islamic State*. Singapore: National University of Singapore.
- Jahara Yahaya, Tey Nai Peng, Yeoh Kok Kheng, Sulochana Nair And Lee Hwok Aun, (2004). Ethnic relations amongst University of Malaya undergraduates. In *Ethnic Interaction and Segregation on Campus and at the Workplace*, edited by Jahara Yahaya, Tey Nai Peng and Yeoh Kok Kheng, Kuala Lumpur: Centre for Economic Development and Ethnic Relations (CEDER), University of Malaya: 1-74.

- Mansor Mohd. Noor (2000/2001). Cohesion and consensus: the prevalence of ethnic harmony in a university campus. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, (17): 91-111.
- Michal Kurlaender and John T. Yun, "Measuring School Racial Composition and Student Outcomes in a Multiracial Society," *American Journal of Education* (2007). v113 n2 p213-243 Feb 2007, University of Chicago Press.
- Pettigrew., T.F & Tropp., L.R. (2006). A meta-analytic test of intergroup contact theory. *Journal of Personality and Social Psychology*, 90, 751-783.
- Sidanius, J. & Pratto, F. (1999). *Social dominance: An inter-group theory of social hierarchy and oppression*. New York: Cambridge University Press.
- Tajfel, H. & Turner, J. C. (1979). An integrative theory of inter-group conflict. In W. G. Austin & S. Worchel (eds.), *The social psychology of inter-group relations* (pp. 33-48). Monterey, CA: Brooks/Cole.
- Helen Ting, (2012). Interethnic Relations in Malaysian Campuses: A Historical Review *Malaysian Journal of Chinese Studies*. 1: 60-84
- Turner, R.N., Tam, T., Hewstone, M., Kenworthy, J. & Cairns, E. (2013). Contact between Catholic and Protestant schoolchildren in Northern Ireland. *Journal of Applied Social Psychology*, 43, E216-E228.
- Wood, Peter B., & Sonleitner, Nancy (1996). The Effect of Childhood Interracial Contact on Adult Antiracial Prejudice. *International Journal of Intercultural Relations*, 20(1), pp 1-17.
- Sanusi Osman. (1989). Dasar pelajaran dan hubungan etnik. In *Cabaran Malaysia Tahun Lapan Puluhan*, edited by Ahmad Shabery Cheek, Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia: 244-255 (Education policy and ethnic relations. In *Malaysian Challenges in the 1980s*).
- Shamsul Amri Baharuddin (2008). Many Ethnicities, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience dlm. *Artikel Kerja Kajian Etnik UKM Bil. 2* (November), Bangi: Institute of Ethnic Studies (KITA), UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin & Anis Y. Yusoff (2011), Managing Peace In Malaysia: A Case Study, dlm. *Artikel Kerja Kajian Etnik UKM Bil. 18* (May), Bangi: Institute of Ethnic Studies (KITA), UKM.
- Shamsul Amri Baharuddin. (2012). *Modul Hubungan Etnik*. Edisi Kedua. UKM Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Wan Syamsul Amly (2015). *Pergaduhan di Low Yat boleh merebak jika tidak dipantau – Irmohizam*. Retrieved 30 April 2016.
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pergaduhan-di-low-yat-boleh-merebak-jika-tidak-dipantau-irmohizam-65683>

